

02 JUN 1996

Mahathir-Tamak

DR MAHATHIR KECEWA DENGAN SIKAP TAMAK SEGELINTIR PENIAGA LANGKAWI

LANGKAWI, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi meluahkan kekecewaannya terhadap sikap segelintir peniaga di pulau peranginan bebas cukai ini yang bersikap tamak.

Katanya pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk menyedarkan peniaga terbabit namun mereka masih degil.

"Saya tidak tahu apa yang boleh dibuat lagi untuk menyedarkan mereka. Seinggakan kita kata hendak tarik balik status bebas cukai tetapi itu tidak memberi apa-apa kesan.

"Banyak yang sudah kita lakukan untuk membangunkan Langkawi sedangkan mereka tidak mengeluarkan sesen pun tetapi mereka tidak pernah insaf," katanya.

Beliau berkata kerajaan bukannya iri hati kerana mereka menjadi kaya hasil pembangunan Langkawi sambil menikmati pula status bebas cukai itu tetapi kerajaan mahu mereka memikirkan masa depan pulau ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan menjalankan pelbagai usaha untuk menarik pelaburan ke sini dan mempromosi Langkawi tetapi sikap tamak segelintir peniagaanya boleh merosakkan semuanya.

"Orang datang ke sini kerana diberitahu barangan di sini murah. Tapi mereka ini bak kata orang Kedah, ada peluang sentai, sentai sampai habis," katanya.

"Sikap tamak seperti ini pada akhirnya hanya akan merugikan diri mereka sendiri," katanya sebagai mengulas rungutan pengunjung ke sini mengenai harga barangan dan caj perkhidmatan yang tidak menentu dan tinggi terutamanya semasa musim percutian.

Mengenai rungutan terhadap bekalan air yang kerap terganggu semasa pulau ini dibanjiri pengunjung, Dr Mahathir berkata keadaan itu hanya sementara sahaja.

"Kini pelbagai projek pembangunan sedang rancak dijalankan yang menyebabkan jalan raya kotor dan rosak dan bekalan air terganggu. Tetapi ia tidak akan berpanjangan.

"Sebaik sahaja semua projek ini selesai, saya pasti jalan raya tidak lagi kotor atau rosak dan keselesaan akan meningkat," katanya.

Semasa di sini, Dr Mahathir juga melancarkan Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Selepas diperkenalkan kepada anggota kelab, Dr Mahathir yang juga penaung KRUL meluangkan masa kira-kira 20 minit meninjau kawasan sekitar lapangan terbang itu dari udara dengan sebuah pesawat mikrolight bersama-sama jurulatih penerbangan Kapt Zainol Taib.

Dr Mahathir kemudian melawat projek pembesaran landasan terbang Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang dijadual siap tahun depan. Landasan itu boleh menerima pendaratan pesawat besar seperti Boeing 747.

Selepas itu beliau meninjau pula perkembangan projek jeti Tanjung Malai dekat Pantai Tengah yang berharga kira-kira RM300 juta.

Projek itu turut membabitkan pembinaan pusat peranginan yang mempunyai 1,200 buah bilik dengan fasa pertama dijadual siap sebelum Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (Lima) tahun depan.

Dr Mahathir yang tiba di sini semalam juga meluangkan masa melawat Kampung Dalam Taman yang terletak di Bayas sebelum menaiki sebuah bot mewah untuk belayar mengelilingi Langkawi.

Beliau diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. --
BERNAMA

ZAA NMO